CJSS/4/2

7 November, 2012

Semua YA Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkarnah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkarnah Tinggi Sabah dan Sarawak.

TERIMA
21 NOV 2012
JMT
PERPUSTAKAAN

YA Datuk/Dato'/DatofTuan/Puan,

PEKELILiNG HAKIM BESAR SABAH & SARAWAK BIL. 1/2012
PENDENGARAN PERMOHONAN *EX-PARTE* YANG DIFAILKAN ATAS SUATU SIJIL PER.AKUAN SEGERA (CERTIFICATE OF URGENCY)

Dari pernerhatian yang saya iakukan rnendapati bahawa tiada amalan seragam yang digunapakai di Mahkamah-Mahkamah Sabah dan Sarawak semasa mengendalikan sebarang pennohonan ex- *parte* yang difailkan atas suatu Sijil Perakuan Segera (Certificate of Urgency).

2. Sehubungan itu tindakan-tindakan berikut hendaklah diarnbil oleh semua Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman semasa rnengendalikan kes-kes tersebut:

(a) Sejurus selepas difailkan, permohonan *ex-pa,te* tersebut hendaklah dibawa kepada perhatian Y.A. Hakim Mahkamah Tin Jgi/Pesuruhjaya Kehakirnan berkenaan. Bagi kes-kes di Mahkamah Tinggi Kuching dan Kota Kinaba!u, perrnohonan tersebut hendaklah dibawa kepada pengetahuan Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman yang rnengendalikan kes-kes 'A" track pada masa berkenaan.

(b) Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan hendaklah terus menentukan tahap kesegeraan.

(c) Sekiranya Y.A. Hakim Mahkarnah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakirnan berkenaan mendapati bahawa perrnohonan *ex-parte* tersebut perlu disegerakaan pendengarannya permohonan tersebut hendaklah didengar tidak lewat daripada hari bekerja berikutnya. Sekiranya didapati bahawa permohonan *ex-parte* tersebut berada di tahap kesegeraan melampau, Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan hendaklah dengan serta merta mendengar permohonan itu.

(d) Jika **Y.A.** Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan mendapati bahawa permohonan *ex-parte* tersebut tidak perlu disegerakan, permohonan itu hendaklah didengar pada biia-bila masa dan mengikut apa-apa cara yang difikirkan wajar dan patut oleh Y.A. Hakim Mahkarnah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan, termasuklah memberi arahan agar permohonan tersebut diserahkan ke atas rnana-mana pihak untul< pendengaran secara *inter-parte.*

(e) Waiau bagaimanapun, pendengaran permohonan secara *inter-parte* tersebut hendaklah ditetapkan dalam dua (2) minggu dari tarikh permohonan *ex-parte* tersebut difailkan.

3. Arahan in hendaklah **berkuatkuasa serta-merta.**

Sekian, terirna kasih.

Yang ikhlas,

;;)–___:;

(TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM}
Hakim Besar Sabah dan Sarawak

s.k. YAA Ketua Hakim Negara,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Putrajaya.

YAA Presiden Mahkamah Rayuan,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Putrajaya.

Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Putrajaya.

Pendaftar Mahkamah Rayuan,
Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Putrajaya.

Pustakawan,

Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Putrajaya.